



LAPORAN TAHUNAN

LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

2016

KANDUNGAN

Maklumat Korporat

- FUNGSI LEMBAGA (1)
- PENGERUSI (2)
- AHLI LEMBAGA (3)
- KUMPULAN PENGURUSAN (4)

Kualiti Hidup Masyarakat

- INFRASTRUKTUR FIZIKAL (16)
- KEMUDAHAN SOSIAL (20)
- PENGURUSAN KUMBAHAN (2)
- PENGURUSAN KESIHATAN (22)

Pengurusan Organisasi

- HALA TUJU STRATEGIK (5)
- PENTADBIRAN DAN PERJAWATAN (6)
- USAHA KE ARAH PEMBUDAYAAN KUALITI (7)
- PENGUKUHAN SEMANGAT BERPASUKAN DAN PENINGKATAN MOTIVASI (8)
- ICT DALAM PENGURUSAN (10)
- BELANJAWAN DAN KEWANGAN (11)

Modal Insan

- PROGRAM KEUSHAWANAN (25)
- EKONOMI DESA (29)
- KEMASYARAKATAN (30)
- KEROHANIAN (33)

Pelancongan

- PRODUK (34)
- AKSESSIBILITI (39)
- KEMUDAHAN PELANCONGAN (41)
- STATISTIK PELANCONG (4)

Penyata Keuangan (43)



MAKLUMAT KORPORAT

MAKLUMAT KORPORAT

Fungsi Lembaga

Fungsi-fungsi Lembaga seperti yang diperuntukkan dalam Enakmen penubuhannya adalah seperti berikut:

- a. Melaksanakan segala fungsi Kerajaan Tempatan di dalam Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman;
- b. Memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial dalam Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman;
- c. Memajukan dan menggalakkan Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman sebagai kawasan bebas duti;
- d. Memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan infrastruktur serta juga pembangunan tempat tinggal, pertanian, perindustrian dan komersil dalam Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman; dan
- e. Mengawal dan menyelaraskan pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang tersebut dalam perenggan (b), (c) dan (d) dalam Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman.

AHLI LEMBAGA



PENGERUSI

YAB. Dato' Seri Diraja Haji Adnan bin Haji Yaakob
(Menteri Besar Pahang)



YB. Dato' Sri
Maznah binti Mazlan



YH. Dato' Setia
Wangsa Pahang
Dato' Indera Haji Mustafar Bin Abu Bakar




YH. Dato' Haji Wan Abdullah
Bin Haji Wan Salleh



YH. Dato' Haji
Md. Rusli Bin Ismail



Y.Bhg. Tan Sri Dr. Ong Hong Peng
(Ketua Setiausaha Kementerian
Pelancongan Malaysia)



YBhg. Datuk Seri Dr. Ismail Hj. Bakar
(Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian
dan Industri Asas Tani Malaysia)



Puan Norhana Binti Abdul Azis
(Timbalan Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun,
Kementerian Kewangan Malaysia)

KUMPULAN PENGURUSAN



**Pengurus
Khidmat Pengurusan**

Puan Nor Zaihan
binti Othman



**Pegawai
Pembangunan Masyarakat**

Puan Nazratul Azra
binti Tukirin



PENGURUSAN ORGANISASI

PENGURUSAN ORGANISASI

HALA TUJU STRATEGIK

Visi

Untuk menjadi peneraju utama yang progresif, dinamik dan berdaya maju bagi melaksanakan rangka kerja pengurusan dan pembangunan Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman.

Misi

Melaksanakan rangka kerja pengurusan dan pembangunan Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman dengan cekap dan berkesan untuk menjamin kesejahteraan penduduk dan pelancong.

Teras Strategik

- Memastikan pengurusan sumber asli yang mampan.
- Mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat.
- Memperkasakan keupayaan modal insan.
- Merealisasikan potensi pembangunan pelancongan.
- Melaksanakan transformasi jentera pentadbiran.

PENTADBIRAN DAN PERJAWATAN

Perjawatan

Kedudukan perjawatan Lembaga Pembangunan Tioman pada 31 Disember 2016 adalah seperti Jadual di bawah:-

KUMPULAN PERKHIDMATAN	JUMLAH LULUS	PENGISIAN				JUMLAH	KOSONG		
		TETAP	KONTRAK [BERWARAN] (OS11000)	KONTRAK [TIDAK BERWARAN] (OS29000)					
			(Contract Of Service)	(Contract Of Service)	(Contract For Service)				
Pengurusan & Profesional	5	1	0	1	0	2	4		
Pelaksana	37	33	2	11	3	49	2		
JUMLAH	42	34	2	12	3	51	6		

Jadual 1: Kedudukan Perjawatan Tahun 2016

Sehingga 31 Disember 2016, jawatan yang diluluskan kepada Lembaga oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Perbendaharaan Malaysia melalui Surat Kelulusan Perjawatan (SKP) Bil. B.24 Tahun 2014 berkuatkuasa mulai 1 Januari 2014 masih kekal seperti tahun sebelumnya iaitu sebanyak 42 jawatan dan sebanyak 34 jawatan telah diisi secara tetap dan dua (2) jawatan diisi secara Kontrak (Contract Of Service).

Dalam tahun semasa, pengurusan Lembaga meneruskan lantikan anggota tambahan di luar Surat Kelulusan Perjawatan yang diluluskan iaitu seramai 12 orang telah dilantik secara "Contract Of Service" terdiri daripada Pengurus Pembangunan Masyarakat, Gred N41, Penolong Pegawai Penilaian, Gred W29, Penolong Jurutera (Mekanikal), Gred JA29, enam (6) orang Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Gred N19, Pemandu Kenderaan, Gred H11 dan dua (2) orang Pembantu Awam, Gred H11 di samping 4 orang anggota "Contract For Service" iaitu Pekerja Awam oleh kerana tidak memenuhi syarat lantikan bagi Skim Perkhidmatan berkenaan. Walau bagaimanapun, sehingga 31 Disember 2016, hanya tinggal tiga (3) orang anggota "Contract For Service" ini oleh kerana salah seorang daripadanya telah menamatkan perkhidmatan dengan Lembaga. Perlantikan anggota tambahan ini adalah bagi menampung kekurangan jawatan yang diluluskan kepada Lembaga di dalam melaksanakan fungsi-fungsinya dengan berkesan mengikut keperluan beban tugas semasa.

Kursus / Bengkel / Latihan

Statistik kehadiran kursus anggota perkhidmatan Lembaga bagi tahun 2016 adalah seperti dalam **Jadual 2.**

Bil	Bil Hari	TAHUN 2016		PERBANDINGAN TAHUN 2015	
		Bil Anggota	Peratus	Bil Anggota	Peratus
1.	>7	9	16.98	2	3.70
2.	7	4	7.55	2	3.70
3.	6	2	3.77	3	5.56
4.	5	2	3.77	1	1.85
5.	4	4	7.55	2	3.70
6.	3	4	7.55	7	12.96
7.	2	5	9.43	14	25.93
8.	1	2	3.77	5	9.26
9.	0	21	39.62	18	33.33
JUMLAH		53	100%	54	100%

Jadual 2: Statistik Kehadiran Kursus/Bengkel/Latihan Tahun 2016

Penyertaan bagi menghadiri kursus akan dipertingkatkan lagi pada tahun hadapan samada melalui kursus anjuran jabatan/agensi luar ataupun penganjuran kursus secara dalaman bagi memenuhi keperluan kursus sekurang-kurangnya tujuh (7) hari setahun dan akan melibatkan semua lapisan gred jawatan.

USAHA KE ARAH PEMBUDAYAAN KUALITI

Amalan Sistem Persekutaran Berkualiti 5S

Kerja-kerja penambahbaikan Amalan Persekutaran Berkualiti 5S telah dilaksanakan di Lembaga Pembangunan Tioman. Proses penambahbaikan ini akan dilaksanakan secara berterusan sehingga Lembaga memperolehi sijil Amalan Persekutaran Berkualiti 5S.

Pemantapan Dokumen Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja

Proses pemantapan dokumen Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja bagi semua anggota perkhidmatan dilaksanakan dari semasa ke semasa mengikut Bahagian masing-masing.

PENGUKUHAN SEMANGAT BERPASUKAN DAN PENINGKATAN MOTIVASI

Majlis Bersama Jabatan

Dalam tahun 2016, Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Lembaga Pembangunan Tioman dapat dilaksanakan sepenuhnya mengikut takwim iaitu sebanyak empat (4) kali setahun. Pengurusan Lembaga akan memastikan Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan ini dapat diadakan mengikut takwim yang telah ditetapkan iaitu empat (4) kali setahun pada tahun hadapan.

Program Utama

Jamuan Berbuka Puasa

Jamuan berbuka puasa dengan kerjasama Kelab Keluarga dan Kebajikan Lembaga Pembangunan Tioman dan pihak pentadbiran Lembaga Pembangunan Tioman telah diadakan pada 23 Jun, 2016. Jamuan yang diadakan di Hotel Sri Malaysia Rompin ini juga adalah bertujuan untuk meraikan persaraan Encik M. Said bin Dawi yang bersara wajib pada 25 Jun 2016. Ianya telah dihadiri oleh hampir kesemua anggota di Ibu Pejabat dan Pejabat Pulau Tioman termasuk mantan Pengurus Perbandaran dan Kerajaan Tempatan yang telah pun tamat perkhidmatan di Lembaga pada 24 Januari 2016. Di samping itu juga, ianya dapat mengeratkan tali silaturrahim sesama anggota perkhidmatan Lembaga Pembangunan Tioman.



Gambar 1: Jamuan Berbuka Puasa dan Majlis Persaraan Anggota

Penambahbaikan Pentadbiran Tempatan

Bagi meneruskan usaha peningkatan dan penambahbaikan pentadbiran untuk memastikan penyampaian perkhidmatan kepada penduduk lebih efektif dan berkesan, Bahagian Perbandaran dan Kerajaan Tempatan (BKT) masih lagi mengekalkan pembahagian tugas dan tanggungjawab anggota kepada beberapa unit iaitu:

- a) Pengangkutan Sisa Pepejal;
- b) Mesin Rumput;
- c) Kebersihan Am;
- f) Seni Taman dan Tapak Semaian; dan
- g) Bot

Pasukan Tindakan Khas (BKT)

Di sepanjang tahun 2016, tiada aktiviti Tindakan Khas dilaporkan di Pulau Tioman. Namun begitu, Pasukan Tindakan Khas sentiasa berada dalam keadaan siap sedia bagi menghadapi sebarang kejadian atau kes-kes kecemasan yang berlaku di Pulau Tioman dengan cepat dan cekap ke arah perkhidmatan yang berkesan kepada penduduk.

ICT DALAM PENGURUSAN

Pengurusan Sistem HRMIS

Percapaian KPI HRMIS Lembaga Pembangunan Tioman bagi tahun 2016 adalah 100% dan diberi pengiktirafan lima (5) bintang seperti maklumat di **Jadual 3**.

MODUL (WAJARAN)	MARKAH (%)
Data Perjawatan (20%)	20
Rekod Peribadi & Profil Perkhidmatan (20%)	20
Sasaran Kerja Tahunan (SKT) (15%)	15
Perisytharan Harta (15%)	15
LNPT (Penilaian KPI pada 14 Februari 2017) (20%)	20
Penamatan Perkhidmatan (10%)	10
JUMLAH	100

Jadual 3 : Percapaian KPI HRMIS Lembaga Pembangunan Tioman bagi tahun 2016

BELANJAWAN DAN KEWANGAN

Terimaan

Bagi tahun 2016, terimaan Lembaga adalah seperti berikut:-

BIL	BUTIRAN TERIMAAN	JUMLAH (RM)
1	Hasil Cukai	394,094
2	Hasil Bukan Cukai	299,524
3	Terimaan Bukan Hasil	2,425,000
JUMLAH		3,118,618

Jadual 4 : Terimaan Lembaga 2016

Prestasi Kutipan Hasil

Bagi tahun semasa prestasi kutipan hasil Cukai Taksiran Am (CTA), lesen dan sewaan berbanding dengan dua tahun sebelumnya adalah seperti dalam jadual di bawah:-

Tahun	CTA	Lesen	Sewa ruang niaga	JUMLAH
2014	396,182	83,218	79,131	558,531
2015	395,111	76,300	79,120	550,531
2016	394,094	61,275	64,500	491,000

Jadual 5 : Prestasi Kutipan 2016

Jadual menunjukkan bahawa prestasi kutipan hasil pada tahun ini mengalami kadar penurunan berbanding pencapaian dua tahun sebelumnya. Namun yang demikian, pelaksanaan kutipan luar giat dijalankan setiap minggu bagi mempertingkatkan lagi jumlah kutipan hasil.



PENGURUSAN SUMBER ASLI

PENGURUSAN SUMBER ASLI

RANCANG TEMPATAN DAERAH ROMPIN (PENGUBAHAN) 2015

Rancangan Tempatan Daerah Rompin (Pengubahan) 2015 telah diwarta semula dan digunakan sebagai garis panduan perancangan pembangunan sehingga kini.

KAWALAN PEMBANGUNAN

Guna Tanah

Dalam tahun semasa, 10 permohonan perihal tanah telah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk mendapat kelulusan dan masih lagi di dalam peringkat pertimbangan. Permohonan tersebut ialah :-

- (i) Cadangan Permohonan / Pengambilan Balik Tanah untuk Pembinaan Tambahan Kuarters di Klinik Kesihatan Tekek, Pulau Tioman, Rompin.
- (ii) Permohonan Pemberimilikan Tanah Kerajaan di Kg. Juara, Mukim Tioman, Daerah Rompin seluas 0.80 hektar bagi kegunaan bangunan (Makmal Seramik dan Sudut Budaya)
- (iii) Permohonan Merizabkan Tanah Kerajaan Di Bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara Untuk Kegunaan Rizab Jalan Masuk Ke Kompleks Perniagaan Bebas Cukai Dan Tempat Letak Kenderaan Seluas 0.0467 Hektar Di Kampung Tekek, Mukim Tioman, Daerah Rompin.
- (iv) Permohonan Lesen Pendudukan Sementara Seluas 0.8 Hektar Di Tg.Sait, Mukim Tioman, Daerah Rompin Bagi Kegunaan Chalet.

- (v) Permohonan Lesen Pendudukan Sementara Seluas 320 Mp Di Kg Salang, Mukim Tioman, Daerah Rompin Bagi Kegunaan Tapak Gerai.
- (vi) Permohonan Lesen Pendudukan Sementara Seluas 450 Mp Di Kg Salang, Mukim Tioman, Daerah Rompin Bagi Kegunaan Tapak Gerai.
- (vii) Permohonan Lesen Pendudukan Sementara Seluas 700 Mp Di Kg Salang, Mukim Tioman, Daerah Rompin Bagi Kegunaan Perniagaan.
- (viii) Permohonan Lesen Pendudukan Sementara Seluas 0.4828 Hektar Di Kg Salang, Mukim Tioman, Daerah Rompin Bagi Kegunaan Kediaman.
- (ix) Permohonan Menukar Kategori Kegunaan Tanah dari Pertanian (Dusun) Kepada Bangunan (Perniagaan – Resort) bagi PM 82 (Lot 832) Di Pasir Sarang, Mukim Tioman, Daerah Rompin seluas 1.228 hektar (3.0344 ekar) daripada Intralink Properties di bawah Seksyen 124 Kanun Tanah Negara.
- (x) Permohonan Pemberimilikan Tanah Kerajaan di Tg. Bunut, Mukim Tioman, Daerah Rompin seluas 1.0 hektar bagi kegunaan pertanian (dusun)

One Stop Centre

Dalam Tahun 2016, Lembaga Pembangunan Tioman telah menerima dua (2) permohonan kelulusan cadangan pembangunan baru iaitu :-

- (i) Cadangan Pembangunan Resort Peranginan (Aman Tioman Resort) Di Atas Lot 73 (GM 11), Kampung Paya, Mukim Tioman, Daerah Rompin, Pahang Darul Makmur; dan
- (ii) Cadangan Pembinaan Kompleks Pintu Masuk Di Atas Lot 7007, Kampung Tekek, Mukim Tioman, Pulau Tioman, Pahang Darul Makmur.

PENGURUSAN RIZAB HIDUPAN LIAR

Jabatan PERHILITAN telah menyiapkan Pelan Pengurusan Rezab Hidupan Liar Pulau Tioman. Laporan ini telah dijadikan asas bagi merancang pembangunan di kawasan terrestrial Pulau Tioman termasuk juga cadangan projek RMK-11. Produk dan aktiviti pelancongan di kawasan ini sedang dimajukan bagi mempelbagaikan aktiviti pelancongan yang pada masa ini lebih tertumpu kepada pantai dan laut sahaja.

Pengurusan Eko-Sistem Marin

Kajian ‘Conserving Marine Biodiversity Through Enhanced Marine Park Management And Inclusive Sustainable Island Development’ di bawah kendalian Jabatan Taman Laut telah siap sepenuhnya.

Institut Maritim Malaysia (MIMA) masih di peringkat menyiapkan kajian projek perintis ‘Limit of Acceptable Change (LAC)’, bagi perancangan dan pengurusan Taman Laut Tioman. Laporan akhir siap sepenuhnya.



KUALITI HIDUP MASYARAKAT

KUALITI HIDUP MASYARAKAT

INFRASTRUKTUR FIZIKAL

Bekalan Air

Kerja pemasangan paip dari Pusat Taman Laut ke Kg. Salang masih tertangguh dengan isu laluan jajaran yang menerima bantahan daripada pelbagai pihak. Cadangan untuk mengadakan loji rawatan yang berasingan di Kg. Salang sedang dalam kajian dan permohonan peruntukan. Begitu juga dengan pembinaan baru struktur tadahan di mukasauk bagi mengatasi masalah sumber yang tidak mencukupi untuk rawatan di Loji Rawatan Air Kg. Tekek yang berkapasiti 6JLD (Juta Liter Sehari).

Telekomunikasi

Telekom Malaysia (TM) menyediakan kemudahan telekomunikasi sebanyak 840 talian menggunakan kemudahan 'radio direct feed' di semua penempatan utama kecuali di Kg. Mukut.

Dalam tahun semasa, semua kampung utama di Pulau Tioman telah mendapat perkhidmatan telefon selular dan telefon talian tetap yang disediakan samada oleh pihak TM, Digi, Celcom atau Maxis kecuali di Kg. Mukut. Kemudahan internet – streamyx (Kg. Salang, Kg. Air Batang, Kg. Tekek, Kg. Paya, Kg. Genting dan Kg. Juara) dan broadband juga disediakan di semua kampung.

Projek Menaiktaraf Kemudahan Asas, Infrastruktur dan Utiliti

Dalam Tahun semasa, Lembaga Pembangunan dengan kerjasama Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur sedang melaksanakan lapan (8) projek menggunakan peruntukan dana RETF (Real Estate Tourism Fund) sebanyak RM 19.4 juta. Projek-projek yang sedang dilaksanakan adalah seperti di **Jadual 7**.

Bil	Projek	Status
1.	Membina dan Menyiapkan Jeti Awam di Kg. Air Batang Pulau Tioman.	Dalam Pembinaan
2.	Membina dan Menyiapkan Boardwalk dan Jambatan di atas Sg. Tanjung Said, Sg. Batang Sabut dan Sg. Tekek.	Dalam Pembinaan
3.	Pembinaan Jambatan Sg. Lalang.	Dalam Pembinaan
4.	Pembinaan Tembok Penahan Hakisan di Sg. Tekek.	Dalam Pembinaan
5.	Pembinaan 2 unit gerai dan kiosk di Dataran Tioman.	Dalam pembinaan

Jadual 7 : Projek Menaiktaraf Kemudahan Asas, Infrastruktur dan Utiliti di Pulau Tioman Tahun 2016



Gambar 2: Kerja Pembinaan Jeti Awam Di Kg. Air Batang, Pulau Tioman



Gambar 3: Kerja Pembinaan Boardwalk Di Kg. Tekek, Pulau Tioman



Gambar 4: Kerja Pembinaan Jambatan Sg. Lalang Kg. Tekek, Pulau Tioman



Gambar 5: Kerja Pembinaan Tembok Penahan Hakisan Di Kg. Tekek, Pulau Tioman



Gambar 6: Kerja Pembinaan Gerai Dan Kiosk Di Dataran Tioman

Kemudahan Sosial

Dalam tahun semasa, bilangan penduduk di Pulau Tioman ialah 3,314 orang manakala bilangan rumah ialah 697 buah seperti **Jadual 8**.

Kampung	Bil. Rumah	Bil. Penduduk
Salang	40	279
Air Batang dan Tekek	455	2,092
Paya, Genting dan Lanting	86	435
Mukut	46	225
Juara	70	283
Jumlah	697	3,314

Jadual 8: Bilangan Kediaman dan Penduduk Tahun 2016

Pembinaan 116 unit rumah cluster bagi Projek Perumahan Rakyat (PPR) dimiliki Kg. Tekek di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah pun siap dibina pada Tahun 2015. Sehingga kini sebanyak 106 unit rumah yang telah ditawarkan manakala sebanyak 43 penama telah pun menerima kunci.

Ruang Niaga

Pelbagai jenis perniagaan dijalankan di penempatan-penempatan di mana kebanyakannya adalah bersaiz kecil yang diusahakan oleh penduduk tempatan. Bilangan dan jenis perniagaan yang dijalankan dalam tahun semasa adalah seperti **Jadual 9**.

Bil	Nama Kampung	Dive shop	Hiburan dan Rekreasi	Makanan	Perkhidmatan	Tred Pelbagai	Jumlah
1.	Salang	5	-	8	12	13	38
2.	Air Batang	4	-	17	19	8	48
3.	Tekek	4	4	27	14	52	101
4.	Paya	2		9	2	9	22
5.	Genting	4	-	18	13	18	53
6.	Mukut	1	1	8	12	7	29
7.	Juara	-	-	14	15	6	35
	JUMLAH	20	5	101	87	113	326

Jadual 9: Ruang Niaga Di Pulau Tioman

Bagi Cadangan Pembinaan Kompleks Pintu Masuk Kg. Tekek dari Syarikat DR Group Holdings Sdn. Bhd, pendaftaran pajakan tanah kepada syarikat ini telah selesai. Sehingga kini, pihak konsultan masih belum mengemukakan pindaan kepada pematuhan syarat-syarat daripada jabatan-jabatan teknikal bagi kelulusan Kebenaran Merancang.

PENGURUSAN KUMBAHAN

Projek Jangka Pendek

Lembaga Pembangunan Tioman dengan hasil usahasama Indah Water Konsortium Pahang telah pun melaksanakan satu program jangka pendek bagi pengurusan kumbahan di premis swasta, bangunan kerajaan dan kediaman di Kg. Tekek dan Kg. Salang melalui peruntukan yang telah diluluskan dari Majlis Pembangunan Wilayah Pantai Timur (ECERDC). Peruntukan untuk melaksanakan program jangka pendek ini akan dimohon lagi bagi melaksanakannya di kampung-kampung yang lain.

Memperbaiki Sistem Pelupusan

Pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah pun melantik operator bagi Operasi & Penyelenggaraan insinerator kepada Syarikat Sumur Mutiara Sdn. Bhd untuk tempoh selama setahun, setelah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan. Sehingga kini, insinerator ini masih lagi beroperasi seperti biasa dan berupaya melupuskan sisa-sisa pepejal di seluruh Tioman.

PENGURUSAN KESIHATAN

Aktiviti kawalan penyakit di Pulau Tioman dilakukan secara berterusan bersama-sama anggota Klinik Kesihatan Tekek dalam mencegah kejadian penyakit Demam Denggi serta lain-lain penyakit yang berpunca daripada nyamuk dan serangga yang lain.



Gambar 7: Kerja-kerja Semburan Asap (Fogging) di Sekitar Pulau Tioman

Kes Penyakit “Sarcocystosis”

Pada Tahun ini, tiada kes baru dilaporkan setakat ini. Namun begitu, pemantauan secara berkala telah dibuat oleh Pihak Pejabat Kesihatan Daerah Rompin.

Kawalan Mutu Makanan

Pada tahun 2016, sebanyak 185 buah premis makanan telah diperiksa oleh Lembaga Pembangunan Tioman bersama-sama dengan Klinik Kesihatan Tekek. Pemeriksaan dan penggredan premis ini dilaksanakan secara berkala mengikut rating gred yang diperoleh oleh sesebuah premis. Rating penggredan yang diberikan mengikut markah adalah seperti berikut :

- a) Gred A : 86% - 100% (kekerapan 1 tahun sekali)
- b) Gred B : 71% - 85% (kekerapan 6 bulan sekali)
- c) Gred C : 51% - 70% (kekerapan 3 bulan sekali)
- d) 50% ke bawah : tiada penarafan gred (kekerapan 2 minggu)

BIL	NAMA KAMPUNG	BIL. PREMIS	PREMIS (buah)		
			GRED A	GRED B	GRED C
1.	Kg. Tekek	81 buah	33	47	1
2.	Kg. Air Batang	7 buah	2	5	0
3.	Kg. Genting	29 buah	11	18	0
4.	Kg. Paya	9 buah	4	5	0
5.	Kg. Salang	19 buah	5	14	0
6.	Kg. Juara	27 buah	12	15	0
7.	Kg. Mukut	11 buah	5	8	0
Jumlah		72	112	1	

Jadual 10: Premis-Premis Makanan Di Pulau Tioman Yang Diperiksa Mengikut Gred

Promosi Kesihatan


BKT bersama-sama anggota kesihatan sentiasa menjalankan promosi kesihatan berkaitan pengawalan dan pencegahan demam serta kawalan keselamatan dan kualiti makanan di Pulau Tioman. Aktiviti ini melibatkan pemberian brosur dan pamphlet semasa menjalankan aktiviti semburan kabus dan pemeriksaan rating restoran dan kedai makan.

Pelaksanaan Program Kitar Semula, Pengasingan Sampah dan Pendidikan

Pengurusan Lembaga dari semasa ke semasa akan melaksanakan program kitar semula mengikut keperluan memandangkan Lembaga tidak dapat menghantar bahan-bahan kitar semula yang telah dikumpulkan di pusat-pusat kitar semula ke tanah daratan. Namun begitu, Reef Check Malaysia (RCM) sentiasa memberi penerangan kepada pengusaha-pengusaha resort/ chalet supaya membuat pengasingan sampah serta kitar semula di kawasan masing-masing.

Perlaksanaan Projek kompos (Vermicomposting)

Projek Pengkomposan Vermi telah diuruskan oleh Anggota Lembaga Pembangunan Tioman di Tapak Semaian. Baja kompos yang dihasilkan digunakan dalam pembajaan pokok-pokok yang ditanam oleh Lembaga. Projek ini dijangka akan diperluaskan dan dipromosikan kepada beberapa pengusaha resort di Kg. Tekek dalam mengumpulkan sisa-sisa makanan untuk dihantar ke Tapak Semaian.



MODAL INSAN

MODAL INSAN

PROGRAM KEUSAHAWANAN

Aktiviti pelancongan merupakan asas utama penglibatan usahawan dalam bidang perniagaan di Pulau Tioman. Bermula dengan penyediaan rumah penginapan, kedai makan, kedai runcit, perkhidmatan bot, sewaan motosikal, basikal dan kereta, kedai serbanika, kedai bebas cukai, kedai kraftangan serta penyediaan pelbagai perkhidmatan lain semuanya merupakan perniagaan berkaitan sektor pelancongan.

Sehubungan itu, pelbagai usaha dilakukan oleh agensi termasuk Lembaga sendiri untuk membantu para usahawan yang sedia ada serta usahawan baru dalam mengembangkan perniagaan mereka. Antara usaha yang telah dilakukan adalah dengan mengadakan kursus-kursus keusahawanan. Berikut merupakan bengkel dan juga kursus yang telah diadakan sepanjang tahun 2016 anjuran pelbagai agensi yang dibantu oleh pihak Lembaga.

TARIKH	AGENSI	TEMPAT	KURSUS	BIL. PESERTA
12 Ogos	Jabatan Perikanan Pahang	Peladang Tioman	Kursus Pemuliharaan Penyu Dan Demonstrasi Enjin Sangkut	34 Orang
27 Ogos	Persatuan Usahanita Rompin	SMK Tekek	Usahanita Rompin Bersama Komuniti Pulau Tioman <ul style="list-style-type: none">- Taklimat Keusahawanan- Demonstrasi Penghasilan Produk dari ECER- Taklimat Klik Dengan Bijak	120 Orang

Jadual 11: Bengkel Dan Kursus Keusahawanan 2016

PEMBANGUNAN PERKHIDMATAN PELANCONGAN

PEMASARAN

Pihak Lembaga telah mempertingkatkan usaha dalam memasarkan Pulau Tioman bagi mengekalkan imej sebagai sebuah destinasi percutian yang unggul agar pulau ini sentiasa menjadi pilihan utama pelancong tidak kira bagi pelancong baru atau pelancong berulang. Pemasaran amat penting bagi memastikan Pulau Tioman dikenali di serata dunia.

Pembangunan Sistem Maklumat Pelancongan

Laman Web Lembaga

Maklumat- maklumat yang diperlukan oleh para pelancong seperti senarai resort- resort, pusat skuba dan perkhidmatan pengangkutan sentiasa dikemaskini di dalam laman web ini. Selain itu, semua maklumat tentang aktiviti atau program pelancongan, kemasyarakatan dan lain- lain yang dianjurkan juga akan dikongsikan dengan pelayar laman ini (www.tioman.gov.my).

Brosur

Brosur merupakan satu medium pemasaran yang berkesan kepada para pelancong. Hal ini kerana, ianya mudah disimpan dan dibawa ke mana- mana sahaja selain mempunyai maklumat seperti nombor telefon untuk kemudahan pelancong. Pihak Lembaga pada tahun 2016 dengan kerjasama Tourism Malaysia Pahang, Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Negeri Pahang dan Tourism telah mengedarkan brosur- brosur, bunting dan peta *Tioman Walking Trails* ke resort- resort dan pusat informasi di Pulau Tioman. Selain itu, pemilik premis dan pengusaha pelancongan di Pulau Tioman disarankan untuk membuat brosur sendiri mengikut kemampuan dan keperluan resort mereka. Namun begitu, Pihak Lembaga sentiasa memantau supaya maklumat yang dipaparkan adalah tepat dan terkini.

Iklan

Dalam memastikan maklumat-maklumat berkaitan Pulau Tioman dapat disampaikan dengan mudah dan cepat, pihak Lembaga sentiasa mengemaskini maklumat penginapan pelancong, jadual feri dan lain-lain maklumat di dalam Laman Web Lembaga. Kebanyakan pengusaha resort juga telah memiliki laman sesawang sendiri untuk mempromosikan pakej mereka.

Pusat Penerangan/ Tempatan Berpusat

Enam (6) Pusat Informasi Pelancongan yang ada di setiap kampung utama iaitu Kampung Mukut, Kampung Genting, Kampung Tekek, Kampung Juara, Kampung Air Batang dan Kampung Salang berfungsi sebagai tempat mendapatkan informasi yang tepat dan terkini kepada pelancong. Selain itu, terdapat juga peta yang menjadi panduan kepada pelancong ketika bercuti di sini. Pusat-pusat penerangan ini juga menyediakan perkhidmatan seperti teksi laut dan juga pakej snorkeling kepada para pelancong. Terdapat juga beberapa buah pusat informasi milik syarikat swasta yang diwujudkan oleh peniaga tempatan bagi memberi lebih pilihan kepada pelancong.

Promosi

Pembangunan Pakej

Pakej-pakej terbaru yang melebihi pakej biasa iaitu tiga (3) hari dua (2) malam kini telah menjadi pilihan para pelancong. Kebiasaannya pakej ini merangkumi aktiviti di laut dan darat. Sebagai contoh, selain aktiviti snorkeling yang sememangnya wajib ada di dalam pakej pelancongan ke Tioman kini aktiviti seperti kembara hutan dan mandi manda di air terjun turut dimuatkan dalam pakej. Selain itu, bagi penggemar aktiviti selam skuba pastinya akan menginap melebihi tiga (3) malam untuk memperoleh tauliah sebagai penyelam profesional dan lebih seminggu untuk mendapatkan lesen lanjutan yang khusus. Dalam tahun semasa, terdapat lebih 18,000 penyelam yang datang menyelam

di Tioman yang terdiri daripada penyelam berulang, penyelam baru dan juga penyelam yang belajar untuk mendapatkan lesen. Selain itu, satu lagi pakej baru yang sedang dibangunkan adalah pakej percutian ‘voluntourism’. Selain menjalankan aktiviti yang biasa semasa melancang ke pulau, pelancong juga menyertai pakej ‘voluntourism’ iaitu sebuah pakej yang menyelitkan aktiviti sukarelawan alam sekitar seperti penanaman anak bakau, “beach clean up” dan pembersihan karang.

Promosi Jualan

Dalam usaha mempromosikan produk pelancongan yang ada di Pulau Tioman, pengusaha pelancongan adalah sentiasa digalakkan untuk mengambil bahagian secara terus dalam misi jualan dan pameran sama ada di dalam atau luar negeri. Bagi tahun semasa pihak Lembaga bersama pengusaha pelancongan Pulau Tioman telah menyertai misi jualan dan pameran seperti berikut.

PROGRAM	TARIKH	PESERTA	CATITAN
Johor Travel Fair 2016 (Sutera Mall, Johor Bahru)	6-8 Mei	i. Salang Pusaka Resort; ii. Damai Tioman Resort; dan iii. Panuba Inn Resort	Pameran yang diadakan selama tiga (3) hari ini memberi peluang kepada pengusaha mempromosikan produk mereka secara langsung kepada pembeli. Pasaran di Johor bahru termasuk dari Singapura dan Indonesia.

PROGRAM	TARIKH	PESERTA	CATITAN
Malaysia International Dive Expo 2016 (PWTC, Kuala Lumpur)	29-31 Julai	Villagers Travel & Tours	Pameran selama tiga (3) hari ini diadakan khas untuk peminat aktiviti selam scuba. Lembaga menyertai pameran ini dengan tujuan untuk mempromosikan acara "Start In Tioman (SIT)" yang diadakan pada 18 hingga 21 Ogos 2016.
Pesta Rompin	11-20 September	Lembaga Pembangunan Tioman bersama Tourism Pahang	Pameran ini diadakan sempena penganjuran 'Rompin Fest 2016'. Lembaga berkongsi khemah dengan Tourism Pahang mempromosikan pelbagai jenis produk pelancongan Negeri Pahang.

Jadual 12: Program Promosi

EKONOMI DESA

Lembaga Pembangunan Tioman dari masa ke masa sentiasa berusaha membantu penduduk yang berminat dalam menjalankan perniagaan. Seiring dengan itu, Lembaga mengambil inisiatif untuk bekerjasama dengan agensi berkaitan seperti Perbadanan Kraftangan Malaysia, Jabatan Pertanian, KEMAS, Jabatan Perikanan dan Pertubuhan Peladang untuk membantu meningkatkan sektor ekonomi desa ini. Sehingga kini, terdapat sebuah pusat batik yang masih

beroperasi iaitu Suzila Batik di Kampung Genting. Suzila Batik menyediakan perkhidmatan belajar mencanting dan turut menjual hasil-hasil batik seperti hiasan dinding, pareo dan alas meja.

Terdapat juga sebuah pusat kraftangan di Kampung Juara yang diusahakan oleh penduduk tempatan. Selain kraf dari bahan terbuang seperti bunga daun getah dan kraf dari tempurung, pengusaha pusat kraf ini juga menjual produk-produk kesihatan hasil bumiputera serta menjual pakaian hasil jahitan beliau sendiri. Pada masa hadapan, Lembaga mengharapkan lebih banyak lagi penduduk akan menceburι bidang ekonomi desa ini kerana ianya masih luas untuk diterokai.

Selain itu, perusahaan madu kelulut juga semakin menunjukkan perkembangan yang baik di Pulau Tioman. Perusahaan ini yang pada mulanya diwujudkan di Kg. Mukut hasil usahasama penduduk dan UNITEN, kini telah diluaskan ke Kg. Juara, Kg. Air Batang dan juga Kg. Tekek. Sehingga hari ini, anggaran 450 sarang kelulut diusahakan oleh penduduk sekitar Tioman. Antara produk yang dipasarkan hasil dari penternakan ini adalah madu kelulut asli dan juga sabun serbaguna kelulut.

KEMASYARAKATAN

Pentadbiran Kerajaan Tempatan juga dari semasa ke semasa sentiasa mengatur dan melaksanakan program gotong-royong untuk memastikan dan meningkatkan tahap kebersihan di Pulau Tioman. Selain itu, aktiviti ini juga dapat mencegah berlakunya kejadian penyakit berjangkit seperti demam denggi dan lain-lain di samping dapat mewujudkan hubungan yang baik antara penduduk, agensi-agensi/ jabatan-jabatan serta masyarakat tempatan.

Pada tahun 2016, Bahagian Kerajaan Tempatan telah berjaya melaksanakan sembilan (9) aktiviti gotong-royong di Pulau Tioman.

Bil	Aktiviti	Jabatan/ Agensi yang terlibat	Tarikh
1.	Gotong-royong membersihkan "tarball" di Sungai Mentawak, Kg. Juara.	TDA Pengusaha Resort Sukarelawan "Juara Turtle Project" Penduduk Kampung	29.02.2016
2.	Gotong-royong membersihkan Kompleks Terminal Salang, Kg. Salang.	TDA Penyewa Gerai Peniaga	09.03.2016
3.	Gotong-royong mengangkut barang-barang lusuh di Kg. Salang.	TDA Pengusaha Premis Perniagaan Penduduk kampung	14.03.2016
4.	Gotong-royong membersihkan "tarball" di Pantai Pasir Panjang, Pulau Tulai.	TDA JTLM JPAM	31.03.2016
5.	Gotong-royong membersihkan pantai sekitar Kg. Tekek.	TDA JTLM	08.04.2016
6.	Gotong-royong penebangan pokok di laluan utama jalan, Kg. Air Batang.	TDA Penduduk Kampung	29.06.2016
7.	Gotong-royong membersihkan kawasan Tanah Perkuburan, Kg. Tekek Anjuran Persatuan Pegawai Tadbir dan Diplomatik Malaysia.	TDA Anggota PTD	06.08.2016
8.	Gotong-royong membersihkan kawasan Pantai, Kg. Tekek Anjuran Ahli Parlimen rompin bersama Persatuan Usahanita Rompin.	TDA Ahli Parlimen Rompin Persatuan Usahanita Rompin	
9.	Gotong-royong CSR membersihkan Air Terjun Asah, Kg. Mukut bersama Care Luxury Hotels & Resorts.	TDA Pihak Tunamaya Resort Pihak Care Luxury Hotels	24.09.2016

Jadual 13: Program Gotong-Royong yang telah dilaksanakan bagi tahun 2016 di Pulau Tioman



Gambar 8: Kerja-kerja Gotong-Royong yang telah dilaksanakan bagi tahun 2016 di Pulau Tioman

KEROHANIAN

Aspek kerohanian adalah asas utama dalam pembangunan modal insan. Oleh yang demikian, pihak Lembaga sentiasa menyokong usaha-usaha penganjuran program bersifat islamik yang melibatkan seluruh penduduk Pulau Tioman ini. Pelbagai ceramah dan kuliah agama di masjid dan surau-surau di seluruh Pulau Tioman diadakan sepanjang tahun. Program kerohanian lain yang telah dijalankan dalam tahun 2016 adalah seperti berikut.

BIL	PROGRAM	TARIKH	ANJURAN
1	Bicara Ilmu bersama Ustaz Nazmi Karim	8 April	Jabatan Taman Laut
2	Forum Perdana Hal Ehwal Islam	23 April	Ahli Parlimen Rompin
3	Wacana Keluarga Bahagia Ummah sejahtera	19 Oktober	Jabatan Agama Islam Pahang
4	Pertandingan Hafazan Kanak-kanak TABIKA	19 November	KEMAS Kg. Tekek

Jadual 14: Aktiviti Kerohanian



PELANCONGAN

PELANCONGAN

PRODUK

Aktiviti Rekreasi Laut Dan Pantai

Sehingga kini, hampir 80% aktiviti pelancongan di Pulau Tioman tertumpu ke kawasan laut dan pantai di mana pulau-pulau Taman Laut yang masih terpelihara khazanah alamnya menjadi daya tarikan utama kepada pelancong. Selain kawasan Pusat Taman Laut itu sendiri, pulau-pulau kecil berhampiran seperti Pulau Rengis, Pulau Soyak, Pulau Tulai dan Pulau Labas adalah antara tarikan dan pilihan utama pelancong untuk melakukan aktiviti seperti snorkeling dan selam skuba.

Manakala di kawasan pantai pula, aktiviti riadah seperti bola tampar pantai, bola sepak pantai serta aktiviti “sunbathing” menjadi pilihan para pelancong. Bagi golongan muda yang sukakan aktiviti lebih mencabar kebiasaannya akan mencuba untuk meluncur ombak, berkayak dan “stand up paddle”.

Kaki pancing pula memilih aktiviti memancing dan mencandat sotong di laut dalam jarak dua (2) batu nautika dari pantai Pulau Tioman di bawah peraturan pulau Taman Laut. Antara usaha pihak Lembaga dalam menyokong serta mempromosikan aktiviti rekreasi laut dan pantai ini dengan membantu melaksanakan beberapa acara yang dianjurkan oleh pihak swasta. Acara-acara ini telah pun menjadi acara tahunan di Pulau Tioman.

BIL.	NAMA PROGRAM/ TEMPAT	TARIKH	PENGANJUR	CATITAN
1	Tioman Surfestival (Kampung Juara)	29 hingga 31 Januari	Tioman Boardriders Event Management	<ul style="list-style-type: none"> - Acara pada tahun ini melibatkan seramai 102 orang peserta. Peningkatan seramai 30 orang dari tahun sebelumnya yang terdiri dari 78 orang peserta tempatan dari Pulau Tioman, Kuantan, Cherating, Terengganu, Kuala Lumpur dan Johor Bahru - Peserta antarabangsa pula berjumlah 25 orang yang terdiri daripada: <ul style="list-style-type: none"> • Maldives- 13 orang • Indonesia- 3 orang • Masing-masing 1 dari Singapura, Wales, Jerman, Switzerland, Australia, Portugal, Perancis dan USA. - Acara pada tahun ini telah mendapat liputan media- media berikut: <ul style="list-style-type: none"> • RTM (Pahang dan KL) • Bernama KL • Sinar Harian • Majalah Lasak • Majalah Santal •
2	Bubble Camp (Kampung Genting)	14 - 17 Mac	Villagers Travel & Tours Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> - Penganjuran Bubble Camp pada tahun ini telah berjaya menarik minat 66 orang peserta yang terdiri daripada: <ul style="list-style-type: none"> • 58 orang peserta "snorkelers"; dan • Lapan (8) orang peserta "Open Water Junior" - Para peserta terdiri dari pelajar sekolah berusia tujuh (7) hingga 15 tahun. - Acara pada tahun ini telah mendapat liputan dari media-media berikut: <ul style="list-style-type: none"> • Bernama TV • NST • Majalah Santai Travel • Blogger tempatan

BIL.	NAMA PROGRAM/ TEMPAT	TARIKH	PENGANJUR	CATITAN
3	Sail Malaysia Passage To The East (Kampung Tekek)	7 dan 8 Mei	SM Discovery Sdn. Bhd	<ul style="list-style-type: none"> - Pada tahun ini sebanyak 48 buah kapal layar dengan 105 orang peserta dari pelbagai negara seperti Australia, Perancis, Jerman dan New Zealand telah singgah di perairan Tioman bagi menyertai Rally ini. - Berita tentang acara ini boleh didapati di website www.sailmalaysia.net dan juga laman facebook Sail Malaysia.
4	Sultan Ahmad Shah Tioman International Eco Challenge (Kampung Tekek)	21 Mei	Tentu Intan Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> - Penganjuran SASTIEC 2016 pada tahun ini telah menarik minat 178 orang peserta iaitu; <ul style="list-style-type: none"> • Malaysia - 167 orang peserta • Kenya - 10 orang peserta • USA - 1 orang peserta - Acara pada tahun ini telah mendapat liputan media dari; <ul style="list-style-type: none"> • Akhbar Kosmo • Akhbar The Star • RTM Pahang • Bernama
5	Start In Tioman	18 hingga 21 Ogos	Villagers Travel & Tours Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> - Pada tahun ini seramai 115 peserta telah mendaftar untuk menyertai acara ini. Para peserta terbahagi kepada lima (5) kategori iaitu; <ul style="list-style-type: none"> • Open Water – 33 orang • Advance OW – 5 orang • Rescue Diver – 7 orang • Diver berlesen – 68 orang • Snorkeller – 2 orang - Acara ini telah dirasmikan oleh YB. Timbalan Menteri Pelancongan. Beliau dan rombongannya telah datang lebih awal iaitu pada 17 Ogos untuk menyelam dan meraikan ketibaan para peserta keesokan harinya.

BIL.	NAMA PROGRAM/ TEMPAT	TARIKH	PENGANJUR	CATITAN
				<ul style="list-style-type: none"> - Acara pada tahun ini telah mendapat liputan dari RTM, MHI TV3, Utusan Online, BH Online, Santai Travel, Bernama, Bernama TV, The Star dan Kosmo.
6	Royal Pahang Billfish International Challenge	24 hingga 25 September	Persatuan Memancing Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> - Acara pada tahun ini telah disertai oleh 40 pasukan yang melibatkan seramai 120 orang pemancing. - Penyertaan pada tahun ini melibatkan peserta dari pelbagai negara iaitu; <ul style="list-style-type: none"> • Filipina : 12 pasukan • Malaysia : 6 pasukan • Australia : 2 pasukan • China : 1 pasukan • India : 1 pasukan • Campuran : 17 pasukan - Sebanyak 418 ekor ikan layaran yang berjaya dinaikkan oleh kesemua peserta. - Acara pada tahun ini telah mendapat liputan dari; <ul style="list-style-type: none"> • The Star • Bernama • RTM Pahang • Pahangku Media • Sinar Harian • Karangkraf • ITM Fishing Show (NZ) • Luxury Boat Magazine (Jepun) • TSURIMARU Magazine (Jepun) • Tenzu Kuabao Apps (China)

Jadual 15: Acara Pelancongan Berasaskan Aktiviti Laut dan Pantai

Pembangunan Industri Pelayaran

Sepanjang tahun 2016, sebanyak 256 buah kapal layar telah singgah di Marina Awam, Pulau Tioman. Selain dari pelayar yang singgah untuk mendapatkan bekalan makanan atau keperluan lain, terdapat segelintir yang memilih untuk tinggal lebih lama di Pulau Tioman. Ada antara pelayar yang tinggal melebihi tiga (3) bulan dan ada juga pelayar yang berulang setiap tahun untuk menghabiskan masa di Pulau Tioman. Hal ini kerana mereka tertarik dengan keindahan alam semulajadi yang ada di sini selain dari kemudahan marina yang baik. Para pelayar dapat menggunakan kemudahan elektrik dan sumber air tawar di marina dengan kadar bayaran tertentu yang ditetapkan oleh pihak Jabatan Laut.

Pembangunan Aktiviti Daratan

Walaupun Pulau Tioman lebih dikenali dengan keindahan lautan dan pantainya, aktiviti daratan seperti kembara hutan dan “rock climbing” juga semakin menjadi pilihan pelancong. Dalam usaha membangunkan aktiviti ini, Lembaga sentiasa bersikap terbuka untuk membantu mana-mana pihak yang berminat menjalankan program berkaitan aktiviti tersebut.

Penganjuran acara Sultan Ahmad Shah Tioman International Eco Challenge yang telah tujuh (7) kali dianjurkan sedikit sebanyak membantu membangunkan aktiviti daratan di Tioman. Laluan perlumbaan merangkumi kawasan yang mempunyai nilai-nilai sejarah dan alam semulajadi menjadi tarikan peminat sukan ini. Selain itu, trek kembara hutan dari Kampung Tekek ke Kampung Juara dan Kampung Air Batang ke Kampung Salang merupakan antara dua laluan yang paling popular digunakan oleh pelancong untuk menjalankan aktiviti kegemaran mereka ini.

Mewujudkan Aktiviti Musim Tengkujuh

Jika kita melihat kepada pola kemasukan pelancong ke Tioman pada setiap tahun, bulan November sehingga Februari menunjukkan penurunan yang sangat banyak berbanding waktu puncak. Hal ini kerana pada waktu tersebut musim tengkujuh menjadi halangan kepada pelancong untuk melakukan pelbagai aktiviti. Pengangkutan ke tioman juga terhad dan menyukarkan pelancong untuk datang. Oleh yang demikian, pihak Lembaga cuba mencari inisiatif untuk menggunakan musim tengkujuh sebagai salah satu tarikan kepada penggemar sukan luncur ombak. Aktiviti luncur ombak ini biasanya diadakan di Kampung Juara kerana ombak di sana lebih tinggi dan besar menjadikannya sesuai untuk menjalankan aktiviti tersebut. Selain itu, terdapat juga pelancong dan penduduk tempatan yang bermain luncur ombak ini di Kampung Paya dan Kampung Salang.

Dengan adanya kemasukan pelancong yang ramai pada musim tengkujuh, pengusaha-pengusaha chalet dan restoran juga mengambil kesempatan untuk tidak menutup premis mereka bagi menyediakan penginapan dan servis makanan kepada pelancong. Aktiviti meluncur ombak ini berpotensi menjadi salah satu faktor yang membantu merealisasikan hasrat Lembaga dalam menjadikan Pulau Tioman sebagai destinasi unggul pelancongan sepanjang tahun.

AKSESSIBILITI

Jeti

Akses utama ke Pulau Tioman adalah di Jeti Tanjung Gemok, Rompin dan juga Jeti Mersing, Johor. Operasi kedua-dua jeti ini adalah di bawah seliaan Jabatan Laut Malaysia. Penumpang yang menaiki feri ini akan diturunkan di setiap kampung mengikut destinasi penginapan masing-masing. Hentian feri di Pulau

Tioman adalah di Jeti kampung Genting, Jeti Kampung Paya, Jeti Kampung Tekek, Jeti Kampung Air Batang dan Jeti Kampung Salang.

Feri

Perkhidmatan feri yang berpengkalan di Tanjung Gemok dikendalikan oleh Syarikat Bistari Gemilang Shipping Sdn. Bhd. , Dragon Star Shipping Sdn. Bhd. dan Cataferry Sdn. Bhd. Jadual feri dari jeti Tanjung Gemok ini adalah berbeza bagi setiap syarikat tersebut. Namun begitu, pada musim puncak, jadual perjalanan setiap feri akan ditambah bergantung kepada tempahan dan permintaan penumpang. Berjaya Tioman Resort juga turut mempunyai sebuah feri khusus untuk pelancong yang menginap di resort mereka. Pihak Lembaga juga turut sama mempromosikan penggunaan perkhidmatan feri di Tanjung gemok ini. Penyelarasian tempahan secara pukal bagi petugas dan mereka yang terlibat di dalam setiap acara kendalian Lembaga dibuat menerusi perkhidmatan feri di sini. Direktori syarikat perkhidmatan feri di Tanjung gemok ini turut dimuatkan dalam Laman Web Lembaga (www.tioman.gov.my) bagi membantu mempromosikan perkhidmatan feri ke Tioman melalui Tanjung Gemok.

Selain itu, terdapat juga perkhidmatan feri alternatif ke Pulau Tioman iaitu melalui Mersing. Kebanyakan pelancong yang menggunakan perkhidmatan feri di Mersing adalah mereka yang menggunakan Lebuhraya Utara Selatan, pelancong dari selatan Semenanjung Malaysia dan juga dari Singapura. Jadual perjalanan feri dari Mersing ini adalah lebih kerap dan bilangan feri yang beroperasi juga lebih banyak. Namun begitu, perjalanan feri ini bergantung kepada jadual pasang surut air laut.

Lapangan Terbang

Perkhidmatan pengangkutan udara yang beroperasi pada waktu ini hanyalah dari pesawat peribadi dan tempahan khas sahaja. SAS Air beroperasi dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang dan terbang ke Tioman mengikut tempahan yang ada. Selain itu, ia juga turut terbang dari Kuantan jika

terdapat permintaan oleh penumpang. Kapasiti penumpang pesawat kepunyaan SAS Air adalah dari lapan (8) hingga 14 tempat duduk sahaja. Penerbangan berjadual Berjaya Air telah menamatkan servis dan mengosongkan premis mereka bermula Disember 2014.

KEMUDAHAN PELANCONG

Penambahbaikan/ Naik Taraf Premis Penginapan

Industri pelancongan di Pulau Tioman semakin hari semakin pesat membangun. Jika dilihat dari awalnya, hanya penduduk tempatan sahaja yang membina rumah-rumah penginapan dan restoran. Namun kini fenomena telah berubah, terdapat sebilangan penduduk luar yang berminat untuk bermiaga dan menceburkan diri dalam bidang pelancongan dengan menyewa tanah untuk dibangunkan menjadi rumah penginapan pelancong. Premis yang mampu menyediakan fasiliti dan perkhidmatan yang bertaraf lima bintang mampu menjadi nilai tambah kepada industri pelancongan di Pulau Tioman.

Dalam tahun 2016, beberapa buah resort telah menambah jumlah bilik mereka. Fasiliti bilik juga telah ditambah seperti penyediaan televisyen dan juga kemudahan wifi serta penambahbaikan/ penukaran perabot-perabot yang telah lama kepada yang lebih moden dan menarik.

STATISTIK PELANCONG

Ketibaan pelancong di Pulau Tioman bagi tahun 2016 adalah sebanyak 229,300 orang. Jumlah ini terdiri daripada 187,584 orang (75.2%) pelancong domestik dan 61,716 orang (24.8%) pelancong antarabangsa. Pelancong antarabangsa paling ramai adalah dari Singapura, diikuti China, Perancis, Britain, India dan

Jerman. Pada tahun semasa, didapati kedatangan pelancong meningkat seramai 18,062 orang berbanding tahun 2015.

Bagi tujuan mengemaskinikan data-data kedatangan pelancong ke Tioman, pengambilan maklumat kedatangan pelancong ini dibuat setiap bulan. Selain mengambil kiraan kemasukan pelancong melalui feri dan kapal terbang, mod pengangkutan lain juga turut diambil kira seperti kapal persiaran atau kapal layar dan bot-bot tempahan khas untuk aktiviti menyelam yang kebiasaananya akan masuk pada hujung minggu.

Usaha-usaha bagi menambahkan bilangan pelancong yang datang serta pertambahan tempoh penginapan akan terus dilaksanakan dari semasa ke semasa. Statistik kemasukan pelancong dalam tempoh lima (5) tahun ke belakang adalah seperti berikut.

TAHUN	KETIBAAN PELANCONG	DOMESTIK	LUAR NEGERI
2011	212,680	121,660 (57.0%)	91,020 (43.0%)
2012	214,482	146,587 (68.0%)	67,895 (32.0%)
2013	232,102	163,103 (70.2%)	70,466 (29.8%)
2014	268,784	191,795 (71.3%)	76,989 (28.7%)
2015	231,238	164,027 (70.9%)	67,211 (29.1%)
2016	249,300	187,584 (75.2%)	61,716 (24.8%)

Jadual 16: Statistik Ketibaan Pelancong



PENYATA KEWANGAN



SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

**KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Tioman telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2016, Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 3 hingga 14.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Pembangunan Tioman pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah dan Enakmen No.7 Tahun 1997.

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuralkan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Pembangunan Tioman dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Ahli Lembaga Pengarah, Lembaga Pembangunan Tioman bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Lembaga Pembangunan Tioman tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Lembaga Pembangunan Tioman yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah dan Enakmen No.7 Tahun 1997. Ahli Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Lembaga Pembangunan Tioman adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Lembaga Pembangunan Tioman, Ahli Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Pembangunan Tioman untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Lembaga Pembangunan Tioman secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Lembaga Pembangunan Tioman, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersetujuan untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersetujuan tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Pembangunan Tioman.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan dasar perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Pembangunan Tioman sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Lembaga Pembangunan Tioman atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Lembaga Pembangunan Tioman memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Enakmen No.7 Tahun 1997, saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Lembaga Pembangunan Tioman telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Ahli Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(AZUNAN BIN DAUD)

b.p : KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

KUANTAN

28 JULAI 2017



LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN
(Ditubuhkan mengikut Enakmen No. 7, tahun 1997)

**PENYATA PENGERUSI
DAN AHLI LEMBAGA PENGARAH**

Kami, DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB dan DATO' HAJI WAN ABDULLAH BIN HAJI WAN SALLEH yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 3 hingga 14 adalah disediakan untuk menunjukkan gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN, pada 31 Disember 2016 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

DATO' SRI DIRAJA HAJI
ADNAN BIN HAJI YAAKOB

PENGERUSI

Bagi pihak Lembaga,

DATO' HAJI WAN ABDULLAH
BIN HAJI WAN SALLEH

AHLI LEMBAGA PENGARAH

Tarikh : 03 APR 2017

Kuantan

LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN
(Ditubuhkan mengikut Enakmen No. 7, tahun 1997)

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN**

Saya, NOR ZAIHAN BINTI OTHMAN, pegawai utama yang bertanggungjawab keatas pengurusan kewangan LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN, dengan ikhlasnya mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan di mukasurat 3 hingga 14 mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat lkrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya ini adalah benar dan atas kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui)
oleh NOR ZAIHAN BINTI OTHMAN di)
Kuala Rompin dalam Negeri Pahang)
Darul Makmur pada)

3 APR 2017



NOR ZAIHAN BINTI OTHMAN

Di hadapan saya,



A-21, 12/13,
JALAN TUN ISMAI,
SRI DAGANGAN,
95000 KUANTAN, PAHANG

LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN
(Ditubuhkan mengikut Enakmen No. 7, tahun 1997)

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2016

ASET SEMASA	NOTA	2016	2015
		RM	RM
Wang Tunai dan Baki di Bank	2	785,807	942,046
Simpanan Tetap	3	2,653,080	2,590,300
Penghutang	4	69,728	58,647
Lain-lain Penghutang	5	167	1,001
Deposit Dibayar dan Pendahuluan	6	19,700	24,400
Pendahuluan Terakru		39,667	324,667
		3,568,149	3,941,061
LIABILITI SEMASA			
Bayaran Terakru	7	78,921	67,081
Lain-lain Pembiutang	8	217,681	122,416
Deposit Diterima dan Bayaran Balik	9	36,305	36,655
Sumbangan Amanah	10	2,794,939	3,273,078
		3,127,846	3,499,230
ASET BERSIH SEMASA		440,303	441,831
ASET TETAP	11	199,507	265,380
JUMLAH ASET DIBIAYAI OLEH:		639,810	707,211
LEBIHAN PENDAPATAN TERKUMPUL		639,810	707,211
JUMLAH PEMBIAYAAN		639,810	707,211

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi Lembaran Imbangan ini.

LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

(Ditubuhkan mengikut Enakmen No. 7, tahun 1997)

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

PENDAPATAN	NOTA	2016	2015
		<u>RM</u>	<u>RM</u>
Caruman Bantu Kadar	12	35,632	35,632
Cukai Taksiran Am	13	396,112	396,112
Denda dan hukuman	14	128	591
Faedah Diterima	15	84,002	71,068
Keuntungan dari Perjualan Aset		-	14,047
Lesen dan Permit		65,908	73,692
Pelbagai		47,525	61,508
Pemberian Kerajaan	16	2,618,139	2,698,005
Sewaan	17	84,558	79,366
		<u>3,332,004</u>	<u>3,430,021</u>
TOLAK: PERBELANJAAN			
Bekalan Bahan Mentah		53,894	91,249
Bekalan dan Bahan Lain		74,045	71,143
Cukai, Insuran dan Komisen		17,619	16,893
Emolumen	18	1,534,313	1,661,425
Kenaan Bank		1,854	1,074
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		34,558	46,552
Penyelenggaraan dan Pembalikan		58,676	45,834
Perbelanjaan 'Barges System'		229,600	255,162
Perbelanjaan Incinerator		-	100,000
Perbelanjaan Promosi		287,634	281,688
Perhubungan dan Utiliti		123,459	113,548
Perjalanan dan Sarahidup		110,106	124,771
Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti	19	507,351	450,144
Perbelanjaan Pembangunan	20	193,139	372,005
Perlupusan Aset Tetap		-	-
Rugi dari Penjualan Aset		11	-
Sewaan		76,630	70,680
Susutnilai	11	86,288	116,199
		<u>3,389,177</u>	<u>3,818,367</u>
KURANGAN PENDAPATAN BAGI TAHUN		<u>(57,173)</u>	<u>(388,346)</u>
LEBIHAN PENDAPATAN TERKUMPUL PADA AWAL		707,211	1,072,296
PELARASAN TAHUN LEPAS	21	(10,228)	23,261
SEPERTI DILAPORKAN SEMULA		<u>696,983</u>	<u>1,095,557</u>
LEBIHAN PENDAPATAN TERKUMPUL PADA AKHIR TAHUN		<u>639,810</u>	<u>707,211</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi Lembaran Imbangan ini.

LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN
(Ditubuhkan mengikut Enakmen No. 7, tahun 1997)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	2016 RM	2015 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI KENDALIAN		
Kurangan Pendapatan Ke Atas Perbelanjaan	(57,173)	(388,346)
Pelarasan Bagi:		
Susutnilai	86,288	116,199
Keuntungan dari Penjualan Aset	11	(14,047)
Faedah Diterima	(84,002)	(71,068)
Pelarasan tahun lepas	(10,228)	23,261
<i>Lebihan / (Kurangan) Pendapatan Sebelum Perubahan Modal Kerja</i>	<i>(65,104)</i>	<i>(334,002)</i>
(Tambah) Dalam Penghutang	279,653	701,233
Tambahan / (Kurangan) Dalam Pembiutang	106,555	(217,456)
(Kurangan) / Tambahan dalam Sumbangan Amanah	(478,139)	(372,005)
<i>Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti-Aktiviti Kendalian</i>	<i>(157,035)</i>	<i>(222,230)</i>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI PELABURAN		
Penjualan Aset Tetap	-	14,407
Pembelian Aset Tetap	(20,426)	(80,466)
Faedah Diterima	84,002	71,068
<i>Tunai Bersih (digunakan dalam)/ Hasil Daripada Aktiviti-Aktiviti Kendalian</i>	<i>63,576</i>	<i>5,010</i>
KURANGAN BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI	(93,459)	(217,220)
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	3,532,346	3,749,566
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	<u>3,438,887</u>	<u>3,532,346</u>
Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada:		
Wang Tunai dan Baki Di Bank	785,807	942,046
Simpanan Tetap	2,653,080	2,590,300
	<u>3,438,887</u>	<u>3,532,346</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi Lembaran Imbangan ini.

LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

(Ditubuhkan mengikut Enakmen No. 7, tahun 1997)

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

	NOTA	2016 <u>RM</u>	2015 <u>RM</u>
KEUNTUNGAN TERKUMPUL 1 JANUARI			
Baki Pada 1 Januari		707,211	1,072,296
Pelarasan Tahun Lepas	22	(10,228)	23,261
Dinyatakan Semula		696,983	1,095,557
Kurangan Bagi Tahun		(57,173)	(388,346)
KEUNTUNGAN TERKUMPUL 31 DISEMBER		<u>639,810</u>	<u>707,211</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi Lembaran Imbangan ini.

LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN
(Ditubuhkan mengikut Enakmen No. 7, tahun 1997)

1. DASAR PERAKAUNAN

a) Asas Perakaunan

Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Tioman telah disediakan selaras dengan piawaian yang diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah. Dasar-dasar perakaunan berikut telah digunakan secara berterusan ke atas perkara-perkara yang dianggap ketara dalam Penyata Kewangan.

b) Aset Tetap dan Susutnilai

Aset tetap dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul. Susutnilai diperuntukan mengikut kaedah garis lurus supaya memansuhkan kos setiap aset tetap di sepanjang anggaran hayat kegunaannya.

Terdapat kenderaan penumpang dan jentera yang telah didaftarkan atas nama pihak ketiga iaitu Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang.

Kadar susutnilai tahunan yang utama adalah :

<u>Jenis Aset</u>	<u>Kadar Tahunan (%)</u>
Kenderaan	20
Jentera	20
Perabot dan Kelengkapan Pejabat	20
Alat Kelengkapan Elektronik	20 - 50
Alat Kelengkapan Elektrik	20
Alat Kelengkapan Penyiaran dan Perhubungan	20
Kelengkapan Fotografi dan Tayangan Gambar	20
Kelengkapan Keselamatan, Kebersihan dan Kesihatan	20
Bangunan dan Pembaikan	2 - 10

c) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan cukai taksiran am, sewaan yang tertentu dan faedah adalah berdasarkan atas asas akruan.

Lain-lain pendapatan termasuk pemberian kerajaan yang berkaitan dengan operasi telah diambil kira apabila diterima.

d) Perbelanjaan

Perbelanjaan pembangunan yang merupakan kos aset tetap adalah dipermodalkan dan selain daripadanya diiktiraf sebagai perbelanjaan operasi.

2. WANG TUNAI DI TANGAN DAN DI BANK

	<u>2016</u> RM	<u>2015</u> RM
CIMB Berhad		
Maybank Berhad (Kuala Rompin)	197,388	80,522
Maybank Berhad (Bukit Ubi, Kuantan)	501,717	126,237
Bank Simpanan Nasional	85,702	696,238
Wang tunai di tangan	1,000	38,049
	<u>785,807</u>	<u>942,046</u>

3. SIMPANAN TETAP

	<u>2016</u> RM	<u>2015</u> RM
CIMB Berhad	2,653,080	2,590,300
	<u>2,653,080</u>	<u>2,590,300</u>

4. PENGHUTANG

	<u>2016</u> RM	<u>2015</u> RM
Cukai Taksiran Am	49,928	47,807
Sewaan Harta	19,800	10,840
	<u>69,728</u>	<u>58,647</u>

5. LAIN-LAIN PENGHUTANG

	<u>2016</u> RM	<u>2015</u> RM
Pinjaman Kenderaan	167	1,001
	<u>167</u>	<u>1,001</u>

6. DEPOSIT DIBAYAR DAN PENDAHULUAN

	<u>2016</u> RM	<u>2015</u> RM
Deposit Sewa Pejabat	10,000	10,000
Deposit Elektrik	4,000	4,000
Deposit Meter Air	1,700	3,580
Pendahuluan Sewa Rumah Kakitangan	4,000	6,820
	<u>19,700</u>	<u>24,400</u>

7. BAYARAN TERAKRU

	<u>2016</u> RM	<u>2015</u> RM
Gaji dan upahan	156	28,301
Faedah Kewangan	41,400	-
Perjalanan dan Sarahidup	8,903	18,065
Bayaran Pekerja Sambilan	2,745	-
Bayaran Barges Sistem	25,717	20,715
	<u>78,921</u>	<u>67,081</u>

8. LAIN-LAIN PEMIUTANG

	<u>2016</u> RM	<u>2015</u> RM
Pemiutang Tetap	178,167	98,727
Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia	18,100	18,100
Parlimen Rompin	20,000	-
Bayaran Hasil Terdahulu	-	4,175
Pemiutang Lain	1,414	1,414
	<u>217,681</u>	<u>122,416</u>

9. DEPOSIT DITERIMA DAN BAYARAN BALIK

	2016 RM	2015 RM
Deposit Sewa Geral	15,420	15,420
Deposit Hiburan	16,500	16,500
Deposit Kunci	1,150	1,150
Deposit Pelupusan Aset	3,215	3,565
Bayaran Balik Penyewa Geral	20	20
	36,305	36,655

10. SUMBANGAN AMANAH

	2016 RM	2015 RM
Kementerian Kewangan	875,246	1,068,385
Kementerian Pembangunan Luar Bandar	1,919,693	1,919,693
Unit Perumahan SUK Pahang	-	285,000
	2,794,939	3,273,078

11. ASET TETAP

12. CARUMAN BANTU KADAR

	<u>2016</u> RM	<u>2015</u> RM
Kerajaan Persekutuan	33,310	33,310
Kerajaan Negeri	2,322	2,322
	<u>35,632</u>	<u>35,632</u>

13. CUKAI TAKSIRAN AM

	<u>2016</u> RM	<u>2015</u> RM
Cukai Semasa	392,112	396,112
	<u>396,112</u>	<u>396,112</u>

14. DENDA DAN HUKUMAN

	<u>2016</u> RM	<u>2015</u> RM
Denda Cukai Tafsiran Am	128	591
	<u>128</u>	<u>591</u>

15. FAEDAH DITERIMA

	<u>2016</u> RM	<u>2015</u> RM
Faedah Akaun Semasa - CIMB Berhad	290	4,824
Faedah Akaun semasa - Maybank Berhad	20,203	4,324
Faedah Akaun - Bank Simpanan Nasional	624	587
Faedah Simpanan Tetap	62,780	60,913
Faedah Pinjaman Kenderaan	105	420
	<u>84,002</u>	<u>71,068</u>

16. PEMBERIAN KERAJAAN

	2016 RM	2015 RM
Kerajaan Negeri Kementerian Kewangan	2,425,000 193,139	2,326,000 372,005
	<u>2,618,139</u>	<u>2,698,005</u>

17. SEWAAN

	2016 RM	2015 RM
Sewaan Gerai Sewaan Pelbagai	73,920 10,638	74,760 4,606
	<u>84,558</u>	<u>79,366</u>

18. EMOLUMEN

	2016 RM	2015 RM
Gaji dan Upahan	866,295	992,953
Elaun Tetap	322,345	324,528
Sumbangan Berkanun untuk Kakitangan	153,736	173,828
Elaun Lebih Masa	80,895	59,755
Faedah Kewangan Yang Lain	111,042	110,361
	<u>1,534,313</u>	<u>1,661,425</u>

19. PERKHIDMATAN IKHTISAS DAN HOSPITALITI

	2016 RM	2015 RM
Perkhidmatan Ikhtisas	63,253	76,899
Perkhidmatan Percetakan	2,874	7,009
Gaji Anggota Sambilan	406,890	355,982
Keraian dan Hospitaliti	34,334	10,254
	<u>507,351</u>	<u>450,144</u>

20. PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

	<u>2016</u> RM	<u>2015</u> RM
Projek Kecil Kementerian Kewangan	193,139	372,005
	<u>193,139</u>	<u>372,005</u>

21. PELARASAN TAHUN LEPAS

Pelarasan tahun lepas merupakan (perbelanjaan) dan pendapatan yang tidak diambil kira dalam Penyata Kewangan tahun-tahun sebelumnya seperti berikut :

	<u>2016</u> RM	<u>2015</u> RM
a. Gaji & Emolumen	(3,456)	(13,127)
b. Deposit Meter Air	570	40,127
c. Deposit Sebut Harga	(1,100)	-
d. Penghutang	-	(2,655)
e. Pembiutang	978	(1,084)
f. Promosi	1,580	-
g. Sewa Ruang Niaga	(800)	-
h. Sumbangan Dalam Negeri	(8,000)	-
	<u>(10,228)</u>	<u>23,261</u>

22. ANGKA BANDINGAN

Beberapa angka bandingan telah dikelaskan semula supaya menurut persembahan tahun semasa.



Tioman

Ibu pejabat : No. 1&2, Jalan Endau Rompin, Tanjung Gemok, 26820 Kuala Rompin, Pahang Darul Makmur

No. Tel : 609-4133171 ; No. Fax : 609-4133178

Cawangan Tioman : Kg Tekek, Pulau Tioman 26800 Rompin Pahang Darul Makmur

No. Tel : 609-4191 242 ; No. Faks : 609-4191 394

e-mail : tda@tioman.gov.my

website : www.tioman.gov.my